

Media Title : Harian Metro
Headline : Wanita rugi RM1.08j diperdaya 'pegawai polis'
Date : 1 January 2024
Section : Lokal
Page : 20



Wanita rugi RM1.08j diperdaya 'pegawai polis'

Johor Bahru: Seorang wanita 'berputih mata' apabila wang berjumlah lebih RM1.08 juta lesap akibat terpedaya dengan individu yang menyamar sebagai pegawai polis.

Timbalan Ketua Polis Johor, Deputy Komisio-ner M Kumar berkata, pihaknya menerima la-poran dibuat wanita tempatan berusia 45 ta-hun itu Jumaat lalu men-dakwa menjadi mangsa penipuan selepas mene-rima panggilan daripada individu menyamar pe-gawai polis.

Katanya, kerani syari-kat swasta itu mendak-wa menerima panggilan telefon pada awal No-venber lalu yang mana mangsa diberitahu akaun banknya terbabit dalam aktiviti penguba-han wang haram.

"Individu itu mena-warkan membantu mangsa dan diarahkan menyerahkan butiran akaun bank dimilikinya termasuk akses kepada perbankan dalam talian.

"Butiran itu diberikan kepada suspek kononnya untuk siasatan. Mangsa mengikut arahan suspek untuk memindahkan se-mua wang miliknya ke akaun bank yang dise-rahkan suspek.

"Mangsa hanya me-nyedari ditipu selepas

mendapati wang berju-mlah RM1,086,350 milik-nya dikeluarkan dari-pada akaun sebelum sus-pek gagal dihubungi," katanya.

Sementara itu, dalam kes berasingan, Kumar berkata, pihaknya mene-rima laporan polis di-buat lelaki tempatan be-rusia 70 tahun kelmarin mendakwa menjadi mangsa penipuan skim pelaburan tidak wujud.

Menurutnya, pesara syarikat swasta itu me-maklumkan menerima panggilan telefon dari-pada seorang individu pada September lalu.

"Mangsa mendakwa individu berkenan dari-pada sebuah syarikat menawarkan pelaburan yang menjanjikan pula-ngan lumayan dalam tempoh singkat.

"Pada peringkat awal, mangsa cuba melabur dengan nilai yang kecil dan menerima keuntu-ngan dijanjikan, menye-babkan dia percaya de-ngan skim pelaburan terbabit dan membuat pelaburan secara berpe-ringkat sehingga berju-mlah RM1,204,363.

"Mangsa menyedari ditipu selepas mendapa-ti wang keuntungan atas pelaburannya tidak da-pat dikeluarkan atas pel-bagai alasan," katanya.